

Berita yang menggemparkan Dunia Islam:

Israel bersedia meruntuhkan Masjid Al-Şakrah di Baitul Maqdis

Sebuah majalah Amerika menyingkap tabir kedurjanaan yang dilakukan oleh Israel di Quds.

Di dalam keluarannya yang terbaru sekali sebuah majalah Amerika yang bernama “*Time*” telah menyingkap tabir suatu cita-cita durjana dan terkutuk yang akan dilakukan oleh Israel (Yahudi) ke atas sebuah rumah suci Islam yang bersejarah di kota Baitul Maqdis. Majalah tersebut menerangkan bahawa orang-orang Yahudi yang telah menduduki kota suci Baitul Maqdis sedang membuat rancangan liar untuk meruntuhkan Masjid Al-Şakrah – sebuah masjid yang bersejarah di dalam Islam di mana tempat persinggahan Nabi Muhammad *şallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* di dalam perjalanan baginda Mikraj ke langit



Lihatlah bagaimana biadapnya kelakuan tentera-tentera Yahudi sewaktu mereka menawan kota suci Islam Baitul Maqdis. Mereka bersorak-sorai dengan tidak menghiraukan kehormatan rumah suci – Masjid Al-Şakrah – yang kelihatan di belakang mereka. (Gambar dipetik daripada *Okaz*).

untuk menemui Tuhan ‘*Azza wa Jalla*
- di atas runtunan masjid ini
kelak akan mereka bangunkan sebuah
rumah ibadat orang-orang Yahudi yang
berbentuk Haikal Sulaiman
(bangunan Nabi Allah Sulaiman).

Seterusnya majalah *Time*
menerangkan: “Sebahagian besar daripada
bangsa Yahudi sedang membuat
rancangan tersebut. Mereka mengatakan:
Sesungguhnya bangsa Yahudi telah
memasuki zaman permulaan bagi
dibangkitkan Nabi ‘*Isā al-Masīh*
ke alam dunia ini. – Ketua-ketua agama
mereka mengatakan: Permulaan zaman
itu ialah pada tahun 1948 –
mereka seterusnya menyatakan: Dengan
terasanya kerajaan Yahudi maka
zaman kebangkitan Nabi Allah ‘*Isā*
‘alayhi al-salām itu telah bermula.

Masa depan Masjid Al-Şakhrah:

Majalah *Time* seterusnya
menyebutkan: Seorang ahli sejarah
Yahudi yang bernama Israel Eldād
ada mengatakan: “Kami sekarang berada
di dalam pusingan zaman Nabi Allah
Daud membebaskan kota Quds.
Dari sejak zaman itu hingga
ke zaman Nabi Allah Sulaiman
mendirikan sebuah bangunan tempat
ibadah yang dinamakan “Haikal
Sulaiman” hanya berlalu di dalam
satu generasi sahaja, masa
yang telah mereka lalui itu
bersamaan keadaannya dengan masa yang
sedang kami hadapi sekarang
ini.”


Majalah *Time* seterusnya
mengemukakan suatu pertanyaan:
“Tetapi bagaimana tentang Masjid
Al-Şakhrah yang dikatakan oleh orang-orang

Yahudi bahawa Masjid tersebut
adalah dibangunkan di atas bekas
runtunan Haikal Sulaiman?
Orang-orang Yahudi telah menjawab
tentang pertanyaan itu dengan mengatakan:
“Jawapan bagi soal tersebut
masih di dalam penyiasatan ahli-ahli
sejarah. Boleh jadi suatu
gempa bumi akan berlaku untuk
memberikan jawapan yang sebenarnya
atas soal tersebut.”

Demikian itulah tersingkapnya
cita-cita jahat yang terpendam
di lubuk hati orang-orang Yahudi
yang bersifat durjana untuk
menguasai sebahagian daripada bumi
hak milik kita di sebalik
pencerobohnya yang sekejap itu.
Mereka mencuba dengan menggunakan
segenap kekuatan yang diberikan oleh
pihak imperialis Barat untuk
menodai tempat-tempat suci Islam
yang bersejarah dan mencuba
untuk menghapuskannya dari
permukaan bumi ini.

Maka dengan ini kami seluruh
bangsa Arab menyeru saudara-saudara
kami sekalian kaum Muslimin yang
berada di seantero dunia Islam agar
sudi memberikan tenaga kerjasama
yang seluas-luasnya untuk menolong
kami atau berjuang di samping
kami bagi menghancurkan noda-noda
pencerobohan bangsa Yahudi di atas
persada bumi-bumi suci Islam
yang dihormati dan dimuliakan oleh
seluruh kaum Muslimin dari
sejak zaman berzaman.

Seterusnya bantulah perjuangan
suci kami melalui jihad *fī*
sabīli Allāh untuk mengembalikan
bumi Palestin – yang telah dirampas
oleh bangsa Yahudi – kepada orang-orang
Arab dan Muslimin Palestin
yang kini hidup di dalam
kesengsaraan menjadi orang-orang
pelarian di segenap penjuru alam.
- (Sedutan dari akhbar *Okaz*
- Makkah al-Mukarramah).



Inilah gambar lukisan Haikal Sulaiman yang akan didirikan oleh
orang-orang Yahudi di atas runtunan Masjid Al-Şakhrah yang akan
mereka robohkan kelak. Begitulah cita-cita jahat yang sentiasa
tersemat di jiwa orang-orang Yahudi. (Gambar dipetik dari *Okaz*).